

UNTUK SIARAN SEGERA

Projektor LCD Baru Panasonic

Warna Dinamik, Pencerahan Berpanjangan

Petaling Jaya, 20 Mei 2014 – Panasonic Malaysia pada hari ini telah melancarkan satu rangkaian baru produk projektor LCD yang ultra mudah alih dan berlontaran pendek sambil menumpukan pada **Warna Dinamik, Pencerahan Berpanjangan**. Edisi terbaru projektor LCD ini mempertingkatkan lagi rangkaian komprehensif barisan projektor Panasonic sejajar dengan matlamat Panasonic untuk menjadi pembekal **Penyelesaian Visual Satu Pusat** menawarkan barangan kami untuk "**Paparan di serata tempat**".

Projektor LCD siri PT-LB360 ultra mudah alih ini terdiri daripada 6 model dengan tahap pencerahan yang terdiri daripada 2,800lm sehingga 3,700lm dalam rangka yang padat. Projektor ultra mudah alih adalah diposisikan untuk memenuhi permintaan yang pantas untuk SOHO, kelas dan bilik mesyuarat bersaiz kecil hingga sederhana dan gerai-gerai makanan mamak atau restoran dengan musim Piala Dunia yang bakal berlangsung.

Lontaran pendek siri PT-TW341R juga terdiri daripada 6 model dengan tahap kecerahan yang terdiri daripada 2,800lm hingga 3500lm dengan satu model fungsi interaktif yang menawarkan unjuran imej besar imej skrin 80 inci pada jarak pendek 75cm (2.5ft)^{*1} tanpa bayang-bayang di skrin atau meyilaukan penyampai. Ia amat disyorkan untuk digunakan untuk aplikasi ruang seperti bilik darjah kecil atau bilik mesyuarat dan juga untuk persembahan interaktif.

"Barisan baru projektor LCD ini dibina dengan ciri-ciri perbezaan utama iaitu fungsi Paparan Waktu Siang yang dipatenkan untuk membolehkan kawalan penuh pencerahan walaupun di dalam bilik yang terang benderang untuk tontonan selesa," kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Projektor ini dibina dengan kontras tinggi 10,000:1 untuk menyampaikan imej yang jelas dan lebih tajam. Untuk memudahkan pengguna dan fleksibiliti, projektor ini menawarkan pembetulan sudut keystone menegak dan mendatar^{*2} dan pembetulan skrin melengkung yang unik untuk unjuran imej serba boleh. Di samping itu, projektor ini juga memberikan pelanggan pulangan yang baik ke atas pelaburan dengan sehingga 8,000 jam kitaran penggantian lampu dan 5,000 jam kitaran penggantian penapis udara.

"Sebagai jenama projektor No.1 di Malaysia pada nilai jualan^{*3}, Panasonic terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan mutu barangan kami dengan ciri-ciri tambah nilai yang berguna kepada aplikasi perniagaan pengguna akhir," tambah Matsunaga .

Sila rujuk katalog untuk maklumat lanjut produk.

Panasonic adalah perintis dalam industri projektor dan membawa industri dengan pembangunan dan pembuatan projektor yang dibezakan dengan idea-idea inovatif sejak tahun 1975.

Pada masa ini, Panasonic memegang 23% bahagian pasaran di Malaysia dengan nilai^{*3} 45% daripada jualan disumbangkan daripada kategori projektor ultra mudah alih dan berlontaran pendek. Panasonic Malaysia bertujuan untuk mencapai satu kejayaan di atas RM 30 Juta jualan projektor pada tahun kewangan 2014 ini dan meningkatkan bahagian pasaran kepada 28%.

Untuk menerajui pertumbuhan jualan projektor di Malaysia, model projektor yang lebih inovatif akan diperkenalkan di pasaran dan disokong oleh kempen pemasaran yang kukuh. Panasonic Malaysia akan bekerjasama rapat dengan sokongan penuh daripada peniaga rangkaian kami yang meluas untuk mendekati pelanggan di seluruh negara. Panasonic Malaysia akan menggerakkan lebih banyak produk latihan untuk mempertingkatkan kemahiran kejuruteraan rakan kongsi perniagaan kami dan pengguna akhir dalam menggunakan ciri-ciri utama dengan sepenuhnya. Usaha yang lebih akan dibelanjakan untuk penglibatan pelanggan.

Di samping itu, Panasonic Malaysia akan mengambil bahagian dalam acara-acara strategik utama dan melabur dalam pengiklanan untuk meningkatkan kesedaran dengan musim World Cup bersama-sama dengan rakan kongsi perniagaan kami untuk promosi terkini.

¹ Untuk PT-TX400/TX310/TX210. Jarak unjuran 80cm (2.6ft) bagi PT-TW341R/TW340/TW250.

² Hanya pembetulan asas atau menegak untuk PT-LB280/LB300

³ Maklumat Perisikan Pasaran dari Pasifik Media Associates

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar

Senior Executive, Corporate Communications & Branding

Marketing Innovation Department

Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com